
Rujukan Kami :JPBD.BK.185/010 (12)

Pekeliling Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
Bilangan 1 Tahun 2022

**PENYELARASAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DATA GEOSPATIAL
GUNA TANAH PERANCANGAN ANTARA PLANMalaysia IBU PEJABAT
DENGAN PLANMalaysia NEGERI**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan berhubung penyelarasan perkhidmatan pembekalan data geospasial guna tanah perancangan antara PLANMalaysia Ibu Pejabat dengan PLANMalaysia Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Penyelarasan perkhidmatan pembekalan data geospasial guna tanah perancangan ini adalah perlu bagi menyelaraskan perkhidmatan pembekalan data di samping memberi manfaat hasil pembekalan data kepada kedua-dua pihak iaitu PLANMalaysia Ibu Pejabat dengan PLANMalaysia Negeri.

3. Pembekalan data geospasial guna tanah perancangan oleh PLANMalaysia Ibu Pejabat secara lazimnya melibatkan Agensi Pengguna Khusus (APK) di kalangan semua Bahagian dan Pejabat Projek Zon di PLANMalaysia serta PLANMalaysia Negeri. Manakala pembekalan data kepada Agensi Pengguna Luar (APL) pula melibatkan agensi kerajaan, institut pengajian tinggi (IPT), syarikat swasta, GLC dan orang awam.

**PENYELARASAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DATA GEOSPATIAL
GUNA TANAH PERANCANGAN ANTARA PLANMalaysia IBU PEJABAT
DENGAN PLANMalaysia NEGERI**

4. Penyelarasan perkhidmatan pembekalan data geospasial guna tanah perancangan antara PLANMalaysia Ibu Pejabat dengan PLANMalaysia Negeri adalah seperti berikut:

Pembekal Data	Kategori Pemohon Data	Jenis Data
PLANMalaysia Ibu Pejabat	Agensi Pengguna Khusus (APK) 1. Bahagian di PLANMalaysia Ibu Pejabat 2. Pejabat Projek Zon 3. PLANMalaysia Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Guna Tanah Semasa • Guna Tanah Komited • Guna Tanah Zoning • Kajian Perancangan PLANMalaysia
	Agensi Pengguna Luar (APL) 1. Agensi Kerajaan Persekutuan 2. GLC Persekutuan	<ul style="list-style-type: none"> • Guna Tanah Semasa • Guna Tanah Zoning • Kajian Perancangan PLANMalaysia
PLANMalaysia Negeri	Agensi Pengguna Khusus (APK) 1. Bahagian di PLANMalaysia Ibu Pejabat 2. Pejabat Projek Zon 3. PLANMalaysia Negeri	<ul style="list-style-type: none"> • Guna Tanah Semasa • Guna Tanah Komited • Guna Tanah Zoning
	Agensi Pengguna Luar (APL) 1. Agensi Kerajaan Negeri 2. Institut Pengajian Tinggi (IPT) 3. Syarikat Swasta 4. GLC Negeri 5. Orang Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Guna Tanah Semasa • Guna Tanah Komited • Guna Tanah Zoning

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah PLANMalaysia Negeri serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Blok F5, Kompleks F, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara)
No. Tel. : 03-8091 0000
No. Faks : 03-8091 0455

PENUTUP

7. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di PLANMalaysia Ibu Pejabat, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TPr DR ALIAS BIN RAMELI)
Ketua Pengarah
PLANMalaysia

Z8 April 2022

s.k

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Pejabat Projek Zon

Semua Pengarah PLANMalaysia Negeri